

Newspaper	Berita Harian
Date	14 March 2016

Syor lucut jawatan Penasihat PROTON

BH - 14/3/2016

Jasin: UMNO Bahagian Jasin mengusulkan supaya Tun Dr Mahathir Mohamad dilucutkan jawatannya sebagai Penasihat Proton Holdings Bhd (PROTON) dan Yayasan Kepimpinan Perdana serta beberapa agensi berkaitan kerajaan.

Ketuanya, Datuk Ahmad Hamzah, berkata bahagian itu turut sebulat suara menggesa mana-mana pihak yang mencemar kedudukan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Presiden UMNO supaya dipecat terus daripada parti.

Ambil tindakan tegas

"Kita sayang Tun Mahathir. Bagaimanapun, tindakan tegas perlu diambil terhadap beliau yang sanggup bekerjasama dengan pembangkang semata-mata mahu menggulingkan Najib," katanya.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata demikian dalam ucapan aluan Persidangan Cawangan UMNO - Wanita - Pemuda - Puteri Berkelompok UMNO Bahagian Jasin 2016, di De-

wan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) Lipat Kajang, di sini, semalam yang dirasmikan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka, Datuk Seri Idris Haron.

Sementara itu, Idris yang juga Ketua Menteri turut menyokong usul dikemukakan Bahagian Jasin, selain percaya ia bakal dituruti cawangan dan bahagian lain di negeri itu.

Mesti bersatu hati

"Dalam UMNO tidak boleh ada rasa ragu kepada parti atau ragu dengan Presiden parti. Jika perasaan itu ada, mereka bolehlah meninggalkan parti.

"Kita mahu satu semangat perjuangan. Apabila berdepan musuh, mesti semuanya bersatu hati, bersatu fikiran dan bersatu tindakan," katanya.

Beliau berkata, untuk parti kekal memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) akan datang, semua ahli perlu kekal bersatu di dalam satu kepimpinan yang padu.